

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab isu projek pembangunan tanah FELDA di Jalan Semarak di Dewan ini pada 12 Mac 2018 dimana saya telah memaklumkan bahawa kesemua hak milik ke atas lot-lot tanah yang dipindah milik tersebut telah kembali kepada FELDA.

Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara FELDA dan pihak Pemaju projek pembangunan tanah FELDA di Jalan Semarak iaitu Synergy Promenade Sdn. Bhd. (SPSB) pada 15 Januari 2018 telah menyumbang kepada penyelesaian status hak milik tanah bagi 16 lot daripada pembangunan keseluruhan sebanyak 24 lot tanah yang terlibat bagi dibangunkan. Melalui MoU ini, pihak SPSB secara sukarela mengembalikan semula kesemua hak milik ke atas lot-lot tanah tersebut kepada FELDA dimana masing-masing telah didaftarkan di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), pada 2 Mac 2018 (14 hakmilik) dan 8 Mac 2018 (2 hakmilik) tanpa sebarang kos. Selain itu, satu jawatankuasa rundingan ditubuhkan untuk meneliti pembangunan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) demi kebaikan kedua-dua pihak. Projek yang sedang berjalan akan diteruskan dan FELDA serta SPSB bersetuju berunding semula bagi penambahbaikan ke atas pelaksanaan Perjanjian Pembangunan.

Menjawab soalan berkaitan pinjaman oleh FIC Properties Sdn Bhd (FICP) untuk pembelian saham PT Eagle High Plantations Tbk (EHP) sehingga

99

RM2.5 bilion pada tahun 2017, ia dilaksanakan bagi tujuan pelaksanaan pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam EHP. Berdasarkan kepada perjanjian yang telah ditandatangani, FICP perlu melaksanakan bayaran kembali prinsipal pada akhir tempoh pinjaman iaitu pada tahun ketujuh pinjaman.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018 (RABU)**

**SOALAN : 47**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian konsesi pembekalan makanan yang dianugerahkan kepada syarikat Brahim's Holdings Bhd bagi perkhidmatan keretapi ETS, termasuk kos dan tempoh konsesi tersebut.

(0)

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB dan Brahim's SATS Food Services Sdn. Bhd. (Brahim) telah menjalankan kerjasama strategik bagi perniagaan makanan dan minuman di atas tren-tren ETS dan *rail cafe* di stesen-stesen KTMB mulai 1 Mei 2017. Di bawah kerjasama strategik ini, Brahim akan mengendalikan dan menguruskan perniagaan makanan dan minuman di atas tren-tren ETS dan *rail cafe* di bawah jenama KTM Catering Services dan pulangan kepada KTMB adalah berdasarkan pengkongsian hasil daripada perniagaan tersebut. Kerjasama strategik dijalankan berdasarkan konsep *Performance Based Contract (PBC)* bagi tempoh lima (5) tahun dengan pilhan sambungan lima (5) tahun.